

Suasana Airlines didakwa bawa penumpang tanpa kebenaran pihak berkuasa

Siasat Penerbangan haram

SEPANG – Syarikat penerbangan Suasa Airlines Sdn. Bhd. (Suasa Airlines) didapati menyalahi undang-undang penerbangan selepas menerbangkan pesawat mereka ke Langkawi Ahad lalu tanpa kebenaran.

Syarikat tersebut yang didaftarkan sebagai penerbangan percubaan, namun telah digunakan untuk penerbangan komersial dengan membawa sekumpulan penumpang termasuk artis ke pulau pelancongan itu.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, pihaknya mendapati syarikat itu menggunakan nama Monospace Sky Airlines tetapi permohonan untuk melakukan penerbangan percubaan dan teknikal dibuat atas nama Suasa Airlines.

Sehubungan itu katanya, syarikat terbabit beroperasi secara komersial tanpa Sijil Perkhidmatan Udara (ASP) dan Sijil Operator Udara (AOC).

“Suasa Airlines telah memohon untuk melakukan penerbangan teknikal dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTAS), Subang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) serta penerbangan percubaan tanpa membawa penumpang seperti yang telah diluluskan oleh DCA.

“Bagaimanapun, Suasa Airlines didapati telah membawa penumpang ke Langkawi dan ia menjadi satu kesalahan,” katanya di sini semalam.

SUMBER : KOSMO | M/S: 8 | 27 JULAI 2016